**MESYUARAT PENYELARASAN PENANDAAN SPMRSM 2025**
**BAHAGIAN C – RUMUSAN**
**OLEH: FAUZI BIN KAMARI**
**GURU KANAN BM MRSM GEMENCHEH**

## ANALISIS BAHAN – MENENTUKAN TEMA RUMUSAN

### BAHAN 1 – PETIKAN

**Perenggan 1:**

1. Dalam meniti perubahan semasa, ***sistem pendidikan juga tidak ketinggalan mengaplikasikan kemajuan teknologi digital*** sebagai satu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. [P1A2]

2. Hal ini dikatakan demikian kerana ***penggunaan teknologi digital*** mampu membantu murid mempelajari sesuatu topik dengan mudah. [P1A3]

**Perenggan 2:**

1. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan ***penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan*** nasional kerana terdapat banyak kepentingannya. [P2A3]

2. ***Penggunaan teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran*** dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital kerana mereka akan diberikan pendedahan terhadap peralatan seperti komputer, projektor LCD, cakera padat dan perisian. [P2A4]

3. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan ***penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.*** [P2A5]

4. Hal ini dikatakan demikian kerana guru dan murid mungkin tidak terbiasa dengan ***penggunaan peralatan digital dalam pengajaran dan pembelajaran*** sebelum ini. [P2A7]

**Perenggan 3:**

1. Pada masa yang sama, ***penggunaan peralatan digital di bilik darjah*** akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. [P3A1]

2. Motivasi guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran akan terganggu apabila capaian Internet di sekolah tidak dinaik taraf bagi memastikan ***penggunaan teknologi digital*** dapat digunakan sepenuhnya. [P2A3]

**BAHAN 2 – Whatsapp**

| |
|---|
| Kita berdepan kesukaran dalam merealisasikan agenda ***penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.***<br><br>15 minit **Suka** Komen |
| Cabaran-cabaran ini perlu ditangani segera agar transformasi ***pendidikan digital*** dapat dilaksanakan secara menyeluruh.<br><br>4 minit Suka Komen |

**BAHAN 3 - PUISI**

Serawan jala, sebatang joran,
Buluh serumpun, tebu seruas;
Dengan wujudnya teknologi pengajaran,
Akses pendidikan menjadi luas.

**TEMA YANG ADA DALAM BAHAN/STIMULUS**

1. Penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan
2. Penggunaan **teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran**
3. Penggunaan **peralatan digital di bilik darjah**

**FOKUS YANG ADA DALAM BAHAN/STIMULUS**

1. FOKUS 1 – **kepentingan**/kebaikan/manfaat/faedah/**kelebihan** + **tema**
2. FOKUS 2 – **halangan**/**cabaran**/kekangan/masalah/**kesukaran** + **tema**

**SKEMA PENDAHULUAN RUMUSAN**

| **Pendahuluan [2 markah]** | | **Markah** |
|---|---|---|
| P1- | ... membincangkan *kepentingan-kepentingan/ kebaikan- kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat* penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan** dan *halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah- masalah* penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan** | 2 |
| P2- | ... membincangkan *kepentingan-kepentingan/ kebaikan- kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat* penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan** | 1 |
| P3- | ... membincangkan *halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan/ masalah-masalah* penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan** | 1 |

**SKEMA TAMBAHAN – DITERIMA [2 markah]**

**FOKUS 1**

1. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/ kebaikan/ faedah/ manfaat/ **kelebihan penggunaan teknologi/peralatan digital dalam sistem pengajaran dan pembelajaran** dan halangan/cabaran/kekangan/masalah penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan.**

2. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ **kelebihan penggunaan peralatan digital di bilik darjah** dan halangan/ cabaran/ kekangan/ masalah penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan.**

**FOKUS 2**

3. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ kelebihan penggunaan teknologi/peralatan digital dalam sistem pendidikan dan **kesukaran penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.**

4. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ kelebihan penggunaan teknologi/peralatan digital dalam sistem pendidikan dan **kesukaran dalam merealisasikan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.**

5. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat penggunaan teknologi/peralatan digital dalam sistem pendidikan dan **cabaran merealisasikan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.**

6. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ kelebihan penggunaan teknologi/peralatan digital dalam sistem pendidikan dan **kesukaran dalam merealisasikan agenda penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.**

**PENDAHULUAN – DITERIMA – 2 markah**

7. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/ kebaikan/ faedah/ manfaat/ kelebihan **penggunaan teknologi digital** dan halangan/cabaran/kekangan/masalah penggunaan teknologi digital **dalam sistem pendidikan.**

**PENDAHULUAN YANG KURANG TEPAT - DITERIMA [1 markah]**

8. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat dan cabaran/halangan/kekangan/masalah penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.

   ***Justifikasi: Fokus 1 tidak lengkap/kurang tepat kerana tertinggal penggunaan teknologi digital.***

9. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat penggunaan peralatan digital dalam sistem pendidikan dan cabaran/halangan/kekangan/masalah **dalam tranformasi pendidikan digital.**

   ***Justifikasi: fokus 2 tidak tepat [sepatutnya penggunaan teknologi digital bukan transformasi pendidikan digital.***

10. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan dan cabarannya/halangannya/kekangannya/masalahnya.

    ***Justifikasi: fokus 2 tidak jelas [nya tidak boleh menggantikan tema]***

**PENDAHULUAN YANG TIDAK DITERIMA – 0 markah**

11. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ kelebihan penggunaan peralatan digital dan cabaran/halangan/kekangan/masalah **penggunaan teknologi digital.**

12. Rumusan/petikan/bahan membincangkan kepentingan/kebaikan/faedah/manfaat/ kelebihan dan cabaran/halangan/kekangan/masalah penggunaan teknologi/peralatan digital**.**

    **Justifikasi: tema kedua-dua fokus tidak lengkap [tertinggal dalam sistem pendidikan]**

## ANALISIS ISI BERDASARKAN BAHAN

**Bahan 1**

Penggunaan teknologi pada abad ke-21 telah menjadi sebahagian daripada rutin harian yang perlu dilalui. Dalam meniti perubahan semasa, sistem pendidikan juga tidak ketinggalan mengaplikasikan kemajuan teknologi digital sebagai satu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan teknologi digital mampu membantu murid mempelajari sesuatu topik dengan mudah.

Platform digital seperti Skype, Google Meet, Microsoft Teams, Zoom, WhatsApp dan Telegram digunakan sepenuhnya oleh guru untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kewujudan medium tersebut menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan **Malaysia (KPM) amat menitikberatkan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan nasional kerana terdapat banyak kepentingannya.** Penggunaan teknologi digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital kerana mereka akan diberikan pendedahan terhadap peralatan seperti komputer, projektor LCD, cakera padat dan perisian. Walau bagaimanapun, **terdapat beberapa halangan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan**. Ketiadaan kemahiran asas berkaitan dengan teknologi digital menyukarkan murid dan guru untuk menyesuaikan diri dengan penggunaan peranti tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana guru dan murid mungkin tidak terbiasa dengan penggunaan peralatan digital dalam pengajaran dan pembelajaran sebelum ini.

Pada masa yang sama, penggunaan peralatan digital di bilik darjah akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Namun demikian, usaha untuk melengkapkan peralatan digital di setiap sekolah memerlukan modal yang besar. Motivasi guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran akan terganggu apabila capaian Internet di sekolah tidak dinaik taraf bagi memastikan penggunaan teknologi digital dapat digunakan sepenuhnya. Kini tugas guru menjadi semakin mencabar kerana guru perlu celik teknologi dalam menguruskan pendidikan generasi Z.

Dipetik dan diubah suai<br>daripada 'Teknologi Pendidikan Pemudah Cara Pengajaran dan Pembelajaran'<br>oleh Farra Humairah Mohd,<br>*Dewan Siswa*, Bil. 6/2023

**Bahan 2**



Kita berdepan **kesukaran dalam merealisasikan agenda penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan**.

15 minit **Suka** Komen



Cabaran utamanya ialah ketidaksamaan sosial yang berlaku antara bandar dan luar bandar.

12 minit Suka Komen



Secara amnya, ketidaksamaan sosial yang wujud lazimnya melibatkan perbezaan yang ketara dari segi pendapatan, pekerjaan, teknologi dan juga infrastruktur antara kawasan bandar dan luar bandar.

10 minit Suka Komen



Tambahan pula, gangguan fokus pelajar akibat pengaruh media sosial dan permainan dalam talian memburukkan lagi situasi.

7 minit Suka Komen



Cabaran-cabaran ini perlu ditangani segera agar transformasi pendidikan digital dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

4 minit Suka Komen

**Bahan 3**

Mandi perigi kain pun basah,
Sampai ke petang badan pun letih;
Kemahiran berfikir dapat diasah,
Sumber manusia mahir terlatih.

Serawan jala, sebatang joran,
Buluh serumpun, tebu seruas;
Dengan wujudnya teknologi pengajaran,
Akses pendidikan menjadi luas.

Sumber: *Internet*

**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

| Isi [16 markah] | | |
|---|---|---|
| **Fokus 1: Kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan:**<br>**Bahan 1 (Petikan)** | | **Markah** |
| A1- | **mampu** membantu murid mempelajari sesuatu topik **dengan mudah** | 2 |
| A2- | menjadikan pengajaran dan pembelajaran **lebih** menyeronokkan | 2 |
| A3- | **dapat** membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital | 2 |
| A4- | **akan** mewujudkan suasana pembelajaran yang **lebih** interaktif | 2 |

| **Fokus 1: Kepentingan-kepentingan/ kebaikan-kebaikan/ faedah-faedah/ manfaat-manfaat penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan:**<br>**Bahan 3 (Pantun)** | | **Markah** |
|---|---|---|
| B1- | **dapat** mengasah kemahiran berfikir | 2 |
| B2- | *(menyediakan)* sumber tenaga manusia yang mahir dan terlatih | 2 |
| B3- | menjadikan akses pendidikan *(lebih)* luas | 2 |

| **Fokus 2: Halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan:**<br>**Bahan 1 (Petikan)** | | **Markah** |
|---|---|---|
| C1- | ketiadaan kemahiran asas **berkaitan dengan teknologi digital** | 2 |
| C2- | **usaha untuk melengkapkan** peralatan digital di *( setiap)* sekolah memerlukan modal **yang besar** | 2 |
| C3- | capaian Internet di sekolah tidak dinaik taraf | 2 |

| **Fokus 2: Halangan-halangan/ cabaran-cabaran/ kekangan-kekangan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan:**<br>**Bahan 2 (Grafik)** | | **Markah** |
|---|---|---|
| D1- | ketidaksamaan sosial **yang berlaku antara bandar dan luar bandar** | 2 |
| D2- | gangguan fokus pelajar akibat **pengaruh media sosial dan permainan dalam talian** | 2 |

| Kesimpulan [2 markah] | | Markah |
|---|---|---|
| K1- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital** dalam sistem pendidikan perlu diperkasakan agar/ supaya murid yang celik teknologi dapat dilahirkan | 2 |
| K2- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital** perlu diperkasakan agar/ supaya **sistem pendidikan negara** dapat ditingkatkan/ lebih berkualiti | 2 |
| K3- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital** dalam sistem pendidikan perlu diperkasakan. | 1 |
| K4- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital** perlu diperkasakan. - ***TIADA frasa dalam sistem pendidikan.*** | 0 |
| K5- | Kesimpulannya, **kerajaan** perlu memperkasakan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan agar/supaya murid yang celik teknologi dapat dilahirkan. | 0 |
| K6- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi moden** diperlukan dalam sistem pendidikan negara. | 0 |
| | **(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)** | |

| Kesimpulan [2 markah] | | Markah |
|---|---|---|
| K1- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan/peralatan digital dalam sistem pengajaran dan pembelajaran** perlu diperkasakan agar/supaya murid yang celik teknologi dapat dilahirkan. | 2 |
| K2- | Kesimpulannya, **penggunaan teknologi digital** perlu diperkasakan agar/supaya **pengajaran dan pembelajaran** dapat ditingkatkan/menjadi lebih berkualiti. | 2 |
| K3- | Kesimpulannya, **penggunaan peralatan digital dalam pengajaran dan pembelajaran** perlu diperkasakan. | 1 |
| K4- | Kesimpulannya, **penggunaan peralatan digital** perlu diperkasakan. – ***TIADA frasa dalam sistem pendidikan.*** | 0 |
| | **(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)** | |

**CALON 1**

No. Soalan : soalan 9

Rumusan membincangkan kepentingan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan dan cabaran merealisasikan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan.

Antara kepentingan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan adalah menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Selain itu, dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital. Selanjutnya, ~~mewujud~~ mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Akhir sekali, akses kepada pendidikan menjadi luas.

Antara cabaran merealisasikan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan adalah ketiadaan kemahiran asas berkaitan dengan teknologi digital. Di samping itu, guru perlu cerdik teknologi dalam menguruskan pendidikan generasi ~~Z~~. Tambahan pula, ketidaksamaan sosial yang berlaku antara bandar dan luar bandar. Akhir sekali, gangguan fokus pelajar akibat ~~ke~~ pengaruh media sosial dan permainan dalam talian.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan amat penting dan setiap cabaran perlu diatasi oleh pelbagai pihak agar dapat melahirkan masyarakat yang ~~bij~~ cemerlang ~~dalam~~ berkaitan teknologi digital.

([illegible] patah perkataan)

P - 2
A - 4
B - 2
C - 2
D - 4
12
K - 1
15
B - 7
22

**CALON 2**

Untuk kegunaan pemeriksa

No. Soalan : 9

Untuk kegunaan pemeriksa

18

Rumusan membincangkan ~~kesan~~ ~~kebaikan - kebaikan~~ kepentingan - kepentingan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan dan ~~punca - punca~~ cabaran - cabaran penggunaan teknologi ~~tidak~~ dalam sistem pendidikan ~~menjabar kepada guru-guru~~.

~~Kebaikan~~ Kepentingan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan ialah menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Selain itu, dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital. Di samping itu, akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Akhir sekali, akses dalam pendidikan menjadi lebih luas.

~~Punca~~ Cabaran penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan menjabar ~~kepada guru-guru~~ ialah ketiadaan kemahiran asas berkaitan dengan teknologi digital dalam kalangan murid dan guru. Selain itu, usaha untuk melengkapkan peralatan digital di setiap sekolah memerlukan ~~kos~~ modal yang besar. Di samping itu, ketidaksamaan sosial yang berlaku antara bandar dan luar bandar. Akhir sekali, gangguan fokus pelajar akibat pengaruh media sosial dan permainan dalam talian memburukkan lagi situasi.

K - 0

(~~105~~ 110 patah perkataan)

| |
|---|
| P- 0 |
| A- 2 |
| B- 2 |
| C- 2 |
| D- 4 |
| 10 |
| K- 0 |
| 10 |
| B- 8 |
| 18 |

# CALON 3



No. Soalan : 9

(14) Rumusan membincangkan kelebihan, halangan dan cabaran penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran.

Kelebihan penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran ialah menjadikan pembelajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan. Selain itu, dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital. Selanjutnya, teknologi dalam pengajaran membolehkan akses kepada pendidikan menjadi luas.

Cabaran penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran ialah ketidaksamaan sosial yang berlaku antara bandar dan luar bandar. Seterusnya, gangguan fokus pelajar akibat pengaruh media sosial dan permainan dalam talian.

Halangan penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran adalah usaha untuk melengkapkan peralatan digital di setiap sekolah memerlukan modal yang besar. Selain itu, ketiadaan kemahiran asas berkaitan teknologi digital menyukarkan murid dan guru menyesuaikan diri dengan penggunaan peranti.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran haruslah dimanfaatkan agar dapat melahirkan individu yang pakar bidang teknologi.

(135 perkataan)

**CALON 4**

Untuk kegunaan pemeriksa

No. Soalan : 7

Untuk kegunaan pemeriksa

(8)

Rumusan membincangkan kepentingan penggunaan teknologi digital dan cabaran penggunaan teknologi digital (dalam sistem pendidikan) P(0)

Antara kepentingan penggunaan teknologi digital dalam pendidikan ialah dapat membantu guru dan murid meningkatkan kemahiran digital. Selain itu, akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif. Disamping itu, (Akses pendidikan menjadi luas). Akhir sekali, mampu membantu murid mempelajari sesuatu topik dengan mudah.

Antara cabaran penggunaan teknologi digital dalam pendidikan ialah ketiadaan kemahiran asas berkaitan dengan teknologi digital. u(2) Selain itu, memerlukan modal yang besar. Disamping itu, ketidaksamaan sosial antara bandar dan luar bandar. Akhir sekali, gangguan fokus pelajar akibat pengaruh media sosial dan permainan dalam talian. u2 (2)

Kesimpulannya, (cabaran) penggunaan teknologi dalam pendidikan perlulah diatasi agar u(0) pelajar dapat faham dengan mudah. dan negara bertambah maju

(106 pp)

P- 0
A- 0
B- 0
C- 2
D- 2
4
K- 0
4
B. 4
8